



TEKS UCAPAN

**YM RAJA FARIDAH BINTI RAJA AHMAD
PENGERUSI
KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN DAN
MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-43**

HARI : KHAMIS

TARIKH : 11 JULAI 2024 / 5 MUHARAM 1445H

MASA : 9.30 PAGI

TEMPAT : DEWAN PERDANA FELDA, KUALA LUMPUR

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Terima kasih saudara/i pengacara majlis.

YBhg. Dato' Sri Ahmad Shabery bin Cheek

Pengerusi Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)

Yang Dihormati Encik Amran bin Abd Kadir

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif

Mewakili Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)

YM Raja Faridah binti Raja Ahmad

Pengerusi Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF)

YBhg. Dato' Amiruddin bin Abdul Satar

Pengarah Besar FELDA

YBhg. Dato' Nazrul Izam bin Mansor

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV Holdings Berhad

Anggota-anggota Lembaga KPF,

Kumpulan Pengurusan FELDA dan FGV,

Yang Dihormati Encik Mohd Fadzli bin Mat Lahim

Pemangku Pengarah Negeri Wilayah Persekutuan SKM

Wakil Jawatankuasa Audit Dalaman, Jawatankuasa Syariah, Jawatankuasa Pelaburan dan Perniagaan, Wakil Tetuan Al Jafree Salihin Kuzaimi dan Wakil Tetuan Abdullah dan Zainuddin,

YBrs. Puan Sakinah binti Salleh

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KPF

Ketua-ketua Syarikat Kumpulan KPF,

Para perwakilan,

Rakan-rakan media dan para hadirin yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah. Syukur ke hadrat Ilahi atas limpah kurnia dan rahmat-Nya, kita dapat bersama-sama berhimpun dan menjayakan Majlis Perasmian dan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke-43 pada hari ini.
2. Komitmen yang ditunjukkan oleh para perwakilan dari seluruh pelusuk negara untuk menyertai persidangan mesyuarat kita nanti amatlah membanggakan.
3. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada YBhg. Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek selaku Pengerusi FELDA, atas kesudian menerima undangan dan sekaligus merasmikan majlis kita ini. Keberadaan beliau adalah satu penghormatan besar dan bukti sokongan kuat terhadap Koperasi Permodalan Felda. Terima kasih Dato' Sri!
4. Inisiatif strategik bersama antara Koperasi Permodalan Felda (KPF), FELDA, dan anak-anak syarikat kumpulan Felda telah membawa banyak manfaat kepada semua pihak yang terlibat khususnya anggota KPF yang secara langsung terdiri daripada warga Peneroka dan petugas Kumpulan Felda.
5. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Peneroka 2024 dengan tema "Segalanya FELDA" kepada seluruh warga FELDA, khususnya para peneroka di seluruh negara. Semoga sambutan Hari Peneroka yang akan berlangsung mulai esok hingga Ahad, 14 Julai 2024 di MAEPS, Serdang berjalan dengan lancar dan jayanya.

YBhg. Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan yang dihormati,

6. KPF merupakan sebuah koperasi yang ditubuhkan untuk menjadi wadah simpanan dan pelaburan warga FELDA. Gagasan penubuhan KPF pada tahun 1980 dicetuskan oleh YM Tun Raja Muhammad Alias Raja Muhammad Ali bertujuan untuk meningkatkan taraf sosioekonomi peneroka dengan pulangan pendapatan daripada aktiviti perladangan dan ekonomi Kumpulan FELDA.
7. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, KPF berhadapan dengan pelbagai cabaran dan dugaan seperti pulangan dividen dan isu permohonan penebusan syer anggota yang diproses melebihi enam bulan disebabkan oleh kekangan aliran tunai.
8. Pelbagai inisiatif dan strategi telah dirangka oleh barisan Lembaga dan pengurusan untuk memastikan KPF kekal relevan dalam gerakan koperasi nasional dan Kumpulan FELDA, khususnya.
9. Pelan tindakan yang melibatkan penstrukturkan semula aset pelaburan dan modal syer yang kini berjumlah lebih RM4.0 bilion sedang dilaksanakan. Hal ini penting dalam memastikan dana anggota diletakkan dalam aset pelaburan yang dapat menjana pulangan setanding pasaran atau lebih baik, seterusnya dapat memberikan dividen yang optimum kepada anggota. Secara langsung, pelan tindakan ini akan mengatasi isu kekangan aliran tunai.

10. Tindakan utama yang sedang dilakukan adalah seperti berikut:
- i) mengenal pasti dan mencairkan aset yang tidak menjana pulangan yang sepatutnya;
 - ii) penjualan ladang KPF Samaraham;
 - iii) penstrukturkan semula pelaburan korporat dalam anak syarikat kumpulan Felda dengan sokongan FELDA;
 - iv) mengenal pasti peranan KPF dan peluang perniagaan dalam Kumpulan FELDA;
 - v) memastikan kepentingan KPF dalam kitaran ekonomi ekosistem Kumpulan FELDA.

Usaha sedang giat dijalankan bersama anak syarikat kumpulan Felda supaya inisiatif ini dapat dilaksanakan sepenuhnya sebelum akhir tahun ini. Ini adalah untuk memastikan ketersediaan pulangan dari pelaburan tetap ini bagi menentukan pulangan kepada anggota pada tahun-tahun akan datang, bermula tahun hadapan iaitu tahun 2025.

11. Setelah pencairan aset dan penyusunan semula pelaburan dalam anak syarikat kumpulan Felda dilaksanakan, KPF akan melaksanakan pula “Strategic Asset Allocation” dimana dana secukupnya diletakkan dalam bidang pelaburan dan perniagaan yang mampan dan mampu memberikan pulangan yang optimum dan konsisten kepada anggota.

YBhg. Dato’ Sri/ Datuk/ Dato’/ Datin/ Tuan/ Puan yang dihormati,

12. Selain memastikan setiap simpanan pelaburan anggota dapat menghasilkan pulangan dalam bentuk dividen yang kompetitif, KPF turut mengenal pasti peluang perniagaan dan usahasama yang dapat memberikan pendapatan alternatif kepada anggota, terutamanya koperasi rancangan dan pertubuhan peneroka.
13. Sehubungan itu, KPF telah mengendalikan program BTS dengan sokongan FELDA. Sehingga kini, sebanyak 50 buah rancangan FELDA yang telah menjadi peserta BTS. Aktiviti pembelian buah tandan segar ini telah memberikan manfaat kepada lebih 15 ribu peneroka. Pulangan daripada aktiviti perniagaan ini telah menyumbang kepada 2.5% daripada jumlah pendapatan koperasi pada tahun kewangan 2023.
14. Susulan kejayaan program BTS, kini KPF bakal mengendalikan program Pusat Mengumpul Sawit (PMS) juga dengan sokongan FELDA dan FGV. KPF menasarkan untuk melibatkan sebanyak 107 buah rancangan FELDA dengan lebih 20 ribu peneroka yang akan menerima manfaat daripada program ini menjelang tahun 2025.

YBhg. Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan yang dihormati,

15. Semua perancangan ini tidak akan mungkin tercapai tanpa sokongan daripada seluruh anggota. Saya yakin kita akan mampu pulih dan terus mengorak langkah demi mencapai kejayaan yang lebih membanggakan.

16. Akhir kata, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada YBhg. Dato' Sri Ahmad Shabery bin Cheek atas kesudian merasmikan majlis kita pada pagi ini. Kami yakin bahawa dengan kehadiran YBhg. Dato' Sri dan barisan tertinggi pengurusan FELDA dan FGV pada pagi ini adalah bukti kesungguhan dan komitmen FELDA dalam memastikan KPF terus menjadi tunggak kecemerlangan warga FELDA.
17. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah dan selamat maju jaya kepada **YBhg. Dato' Mohd Banuri bin Aris (Pengerusi), YBrs. Encik Mohd Helmi Fakhzan bin Abd Wahab (Setiausaha) dan Puan Siti Zaroha binti Nasharuddin (Bendahari)** yang bakal menerajui KPF sebagai anggota Lembaga bagi sesi 2024/2025 bersama barisan Lembaga yang lain.
18. Terima kasih juga kepada seluruh pihak yang menjayakan Majlis Perasmian dan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-43 yang bakal berlangsung nanti.
19. Besarlah juga harapan untuk kita bersama-sama menaruh kepercayaan dan terus mengembang tenaga demi meletakkan KPF sebagai koperasi terunggul di Malaysia.
20. Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada barisan pengurusan dan Anggota Lembaga Koperasi yang telah memberikan sokongan penuh kepada KPF selama ini. Saya berdoa agar KPF terus maju dan berjaya dan sentiasa berada dalam lindungan dan keberkatan Allah SWT.

Sekian.

Wabillahi taufik walhidayah.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.